

PERTANDINGAN FILEM PENDEK **silentSHOUT** KE-EMPAT, 2015

1^{hb} April – 30^{hb} Jun 2015

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN

TEMA PERTANDINGAN : Tangan Bertutur

KATEGORI A: Pertandingan & Festival

Slapa **BOLEH** menyertai Pertandingan dan Festival Filem Pendek silentSHOUT ke-4 :

- terbuka kepada rakyat **Malaysia**
- Orang Pekak** sahaja. Anda **BOLEH** dan **DIGALAK** bekerja dengan Krew / Bakat Orang Mendengar

KATEGORI B : Festival

Siapa **BOLEH** menyertai Festival Filem Pendek ke-4 silentSHOUT, 2015:

- terbuka kepada Orang pekak luar negara, dan Orang Mendengar Malaysia dan luar negara.
- Pembuat filem independen, rumah produksi profesional, pembuat film profesional dan stesen penyiaran.

* Penyerahan ini tidak dimasukkan untuk pertandingan. Tujuan adalah untuk berkongsi cerita tentang pekak, kepekakan atau pengalaman berkaitan.

*Semua filem yang ditayangkan di Festival Filem Pendek silentSHOUT ke-4 akan diundi untuk Anugerah Pilihan Penonton.

Filem anda **MESTI**:

- karya asli**. Filem anda boleh dalam genre: Drama, Romantik, Seram, Fantasi, Suspen, Animasi, Aksi, Pengembaraan dan Komedi
- mengenai **Pekak/ cerita berkaitan Orang Pekak**.
- mesti mengandungi tema “**Tangan Bertutur**”
- antara 5 dan 15 minit** termasuk tajuk utama dan kredit.
- mengandungi **sarikata Bahasa Malaysia**. Filem boleh diproduksi dalam sebarang bahasa. Muzik dan suara adalah opsional.
- dihasilkan dalam tempoh **1^{hb} Januari 2014 hingga 30^{hb} Jun 2015** dan **belum ditayangkan kepada umum** termasuk Internet.
- dihantar dalam format **DVD Pal, fail digital MP4G4, kompresi H.264** (minimum: 720PAL, maximum: definisi tinggi 1080p).

- Tiada** Pengumuman Perkhidmatan Awam (PSA), Travelog, Dokumentari dan Iklan.
- Tiada** penggunaan hak cipta daripada orang lain (muzik, lagu, rakaman, imej, video tanpa kebenaran)
- Tiada** erti kata hasutan kaum dan agama, kata-kata kasar atau pornografi.

ARAHAN PENYERAHAN

Untuk setiap penyertaan filem, anda mesti:

- melengkap dan menandatangani borang penyerahan.
- menyerah Borang Pengakuan Bakat (Talent Release form). Semua bakat dalam filem mesti mengisi boring tersebut.
- menyerah Borang Persetujuan Penjaga (Parental Consent form) sekira bakat atau krew di bawah umur 18 tahun.
- menyerah DUA gambar pegun daripada filem anda:
 - a) SATU gambar semasa aksi langsung dan
 - b) SATU gambar di belakang aksi.
- menyerah filem anda dan dokumen yang berkenaan **sebelum 30^{hb} Jun 2015, 5p.m** semasa *Silent Coffee* atau hantar ke:
 - silentSHOUT Communication**
 - 16-1, Jalan 1/109E**
 - Desa Business Park, Taman Desa**
 - 58100 Kuala Lumpur**
 - MALAYSIA**

Serahan lewat tidak akan dilayani.

- Yuran pendaftaran dikecualikan.
 - *Jika anda menyertai lebih daripada satu filem, anda perlu memasukkan setiap filem dalam DVD yang berasingan. Sila labelkan DVD itu dan melengkap borang penyerahan yang berbeza untuk setiap filem.

SYARAT-SYARAT:

1. Pihak penganjur silentSHOUT mempunyai hak untuk menolak sebarang penyerahan filem yang tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam garis panduan pertandingan.
2. Panel juri terdiri daripada ahli professional industri dan tetamu jemputan yang dilantik untuk menilai filem-filem pertandingan. Keputusan panel adalah muktamad dan mengikat sebarang perkara.
3. DVD filem tidak akan dikembalikan kepada peserta.

4. Filem-filem yang dipilih sahaja akan ditayangkan di Festival Filem Pendek silentSHOUT 2015.
5. Semua filem akan diserahkan ke Lembaga Penapisan Filem Negara sebelum tayangan.
6. silentSHOUT mempunyai hak untuk menggunakan filem-filem pertandingan untuk tujuan publisiti, promosi dan pendidikan di mana-mana media tanpa notis pemberitahuan kepada peserta selama satu tahun. Filem kekal sebagai hakmilik peserta.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila emel kami: hello@silentshout.my.